



**PENAMBAHBAIKAN DAN PERALIHAN
SYSTEM FOR TAX ADMINISTRATION AND REVENUE SERVICES (STARS)
NOTIS NO. 4/2021**

Sebagai langkah penambahbaikan ke atas sistem percukaian STARS, Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita memaklumkan bahawa mulai 1hb November 2021, STARS akan dialihkan ke sistem One Common Portal (OCP). Penambahbaikan STARS ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat dan akan dimaklumkan kepada orang ramai dari masa ke semasa. Bagi memastikan peralihan sistem ini dapat dilaksanakan dengan lancar, pengguna-pengguna STARS adalah dinasihatkan untuk mendaftar dan mengemaskini maklumat-maklumat pengguna di dalam OCP sebelum peralihan STARS ke sistem OCP dilaksanakan melalui pautan www.ocp.mofe.gov.bn.

Bahagian Hasil, MOFE seterusnya memaklumkan bahawa proses-proses peralihan tersebut akan bermula pada 28hb Oktober 2021, di mana STARS tidak akan dapat diakses mulai tarikh tersebut bermula selepas waktu bekerja (4.30 petang) sehingga kerja peralihan siap dilaksanakan. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk memastikan sebarang pemfailan dan pembayaran Cukai Pendapatan, Cukai Pegangan dan Duti Setem dilaksanakan sebelum tarikh tersebut. Bahagian Hasil, MOFE memohon maaf ke atas sebarang kesulitan yang timbul disebabkan oleh perkara ini.

Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi Bahagian Hasil, MOFE, sama ada melalui email di alamat revenue@mofe.gov.bn; atau melalui telefon di talian +673 2383933 atau +673 2380651.



Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh: 25hb Oktober 2021